

28 MAY 2003

Adnan-Cameron

PEMBEKUAN PEMBANGUNAN DI CAMERON HIGHLANDS DITARIK BALIK

PEKAN, 28 Mei (Bernama) -- Kerajaan Pahang telah menarik balik arahan pembekuan kerja pembangunan di Cameron Highlands berkuatkuasa 1 Mei lepas, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Katanya, bermula tarikh berkenaan, kerajaan negeri membenarkan semula kerja pembangunan di kawasan tanah tinggi itu selepas membekukan semua projek pembangunan di situ pada 5 Feb lepas.

"Mulai 1 Mei lepas, kerajaan negeri memutuskan membenarkan pembangunan di Cameron Highlands terutama sekali projek-projek kerajaan (seperti) pembinaan jalan raya, pemulihan aliran sungai, dan beberapa projek melibatkan pembangunan bangunan-bangunan terutamanya milik kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini.

Kerajaan negeri sebelum ini membekukan aktiviti pembangunan di kawasan peranginan itu setelah sebuah syarikat pemaju didapati mengabaikan aspek penjagaan alam sekitar sehingga menjejaskan keindahan kawasan itu.

Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyatakan kekecewaannya kerana sebahagian tempat di kawasan itu telah diratakan sehingga tidak lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau.

Adnan berkata pihak swasta boleh mengemukakan permohonan mengenai sebarang projek dan kerja pembangunan di kawasan itu kepada pejabat pentadbir tanah di kawasan itu.

Bagaimanapun pihak pentadbir tanah daerah diarah memantau dan meneliti setiap kerja pembangunan yang dijalankan serta memastikan kerja pembangunan yang dibuat mesti mematuhi undang-undang berkaitan pembangunan tanah dan alam sekitar.

"Sebarang pelanggaran hendaklah dilaporkan serta merta, kita nasihat pemaju lebih berhati-hati (kerana) selepas ini tiada maaf lagi, mereka mestilah mematuhi undang-undang.

"Kita buat keputusan ini (menarik balik pembekuan) kerana kita fikir adalah tidak wajar projek seperti pembinaan jalan raya ditangguhkan, begitu juga kerja pemulihan sungai, begitu juga kepada pemaju-pemaju yang membeli tanah di kawasan tersebut dan merancang pembangunan," katanya.

Adnan juga berkata kabinet telah memberi kelulusan kepada syarikat, yang memajukan ladang teh di Blue Valley di Cameron Highlands yang sebelum ini diarah menghentikan operasi mereka kerana didapati menggunakan jentera berat sehingga menjejaskan alam sekitar di kawasan itu.

"Saya dimaklumkan, mereka telah dikenakan beberapa syarat yang ketat," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga telah memutuskan bahawa sebarang permohonan baru untuk mengadakan pusat hiburan keluarga tidak akan dibenarkan lagi di Pahang.

"Ini kerana banyak lesen yang sedia ada untuk pusat-pusat hiburan ini telah disalah gunakan dengan menjadikan sebagai pusat perjudian dan aktiviti tidak sihat.

"Selepas ini hanya pusat-pusat hiburan keluarga di pusat-pusat membeli-belah sahaja akan dibenarkan beroperasi bagi memudahkan pengawasan dan pemantauan dilakukan," katanya.

-- BERNAMA

MS MAI